

Megara maju perlu ikut bantu: PM

Oleh JAILANI HARUN

SIJBANG JAYA, Selasa -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengecam sesetengah negara map yang sanggup membiarkan beribu-ribu penduduk di Sahel, Sahara mati setiap hari kerana **kebuluran**.

Menurutnya, kebanyakan negara **Barat** lebih berminat menyalahkan orang lain terhadap **malapetaka** yang melanda benua **kecil** itu dan **Afrika**, daripada membantu menyelesaikan **masalah** kemiskinan di negara berkenaan.

"Mereka juga menyalahkan negara **membangun** kerana cuba meneroka **hutan masing-masing** untuk tujuan ekonomi dan **pembangunan**, atas alasan perbuatan itu boleh mencemar alam sekitar.

"Tetapi negara maju **ini** tidak menyedari **bahawa** mereka suatu ketika dahulu adalah **sama** seperti negara membangun dan mundur hari **ini**.

"Bezanya, mereka sudah menebang **sebahagian** besar **pokok** untuk projek industri **manakala** negara **membangun** dan mundur pula sedang memulakan proses itu.

"Jika negara maju mahu, mereka sebaliknya boleh membantu membangunkan ekonomi Sahara bagi mengelakkan lebih ramai penduduknya terkorban, daripada mendirikan lebih **banyak** hotel dan **padang golf**.

"Jadi, adalah tidak adil jika mereka **menghukum** negara lain **semata-mata** untuk menutup kesilapan yang sudah mereka buat," katanya **ketika** berucap merasmikan Sidang Antarabangsa Mengenai Perlindungan Biokepelbagaian **Tropika**, di **sini**, hari **ini**.

Perdana Menteri berkata, negara maju **sepertunya** membantu negara membangun dan **mundur** mempelbagaikan kegunaan sumber asli **mereka**, di **samping** mencari **hala** bersama mengekalkan mutu alam sekitar dunia.

Menurutnya, negara maju **juga** perlu sedar **bahawa** negara miskin dan membangun akan **kerugian** jika tidak menggunakan sumber asli **masing-masing**. termasuk **hutan**, **bagi** pembangunan ekonomi **masing-masing**.

Oleh itu, katanya, satu **cara** mesti dicari untuk mengekalkan ciri-ciri **alam** sekitar negara **terbabit** **tanpa** menjejaskan pembangunannya.

Mengenai tuduhan kumpulan pencinta **alam** antarabangsa bahawa Malaysia tidak **mengawal** **alam** sekitarnya, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, mereka hanya bercakap **bagi** pihak **Barat** dan bukannya **bagi** pihak negara **membangun**.

Menurutnya, hakikat bahawa 74 peratus **kawasan** negara **ini** masih dilitupi **hutan** dan **tumbuhan** lain, jelas menunjukkan bahawa Malaysia tidak **langsung** menghadapi masalah itu.

Kira-kira 60 peserta seluruh dunia menghadiri sidang empat hari itu.